

03 NOV 1998

CUEPACS-Sokong

LANGKAH CUEPACS MINTA INSENTIF DISOKONG

KUALA TERENGGANU, 3 Nov (Bernama) -- Majlis Gabungan Guru Besar Malaysia (MGGBM) menyokong langkah Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan memberikan insentif kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagai langkah meringankan bebanan mereka.

Timbalan Yang Dipertuanya, Tengku Arshad Long berkata kerajaan perlu meneliti dengan seadil-adilnya terhadap permohonan insentif itu.

Beliau berkata, pihaknya yakin bahawa permintaan itu tidak bersifat desakan kepada kerajaan, sebaliknya mahukan kerajaan memberikan pertimbangan wajar berhubung perkara itu.

"Kami beranggapan langkah itu tepat dan ia dapat membantu kakitangan perkhidmatan awam menangani kos sara hidup mereka, terutama menjelang penggal persekolahan baru tahun depan dan Hari Raya Puasa nanti," katanya kepada Bernama ketika dihubungi, di sini hari ini.

Tengku Arshad berkata jika kerajaan bersetuju dengan cadangan itu, ia dapat menggalakkan kakitangan perkhidmatan awam untuk meningkatkan mutu kerja mereka.

CUEPACS meminta insentif sebagai ganti bonus 1998 bagi meringankan bebanan kewangan kakitangan awam.

Sementara itu, pengerusi Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) Terengganu, Mokhtar Yusoff berkata, pertimbangan kerajaan terhadap permohonan itu penting kerana kakitangan awam menanggung perbelanjaan tinggi setiap hujung tahun.

"Oleh itu, permohonan CUEPACS itu perlu dilihat secara telus dan bijaksana oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata kakitangan awam faham tentang kesulitan kerajaan dalam menghadapi kegawatan ekonomi, tetapi demi meringankan bebanan perbelanjaan kakitangan awam permohonan insentif itu seharusnya diberikan perhatian.

Mokhtar, bagaimanapun, meminta kakitangan awam akur dengan apa jua keputusan yang bakal diperolehi hasil daripada perbincangan antara CUEPACS dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelak.

--BERNAMA

AYB RI